UNIT 5

PASU MINI

Tembikar tradisional ialah bekas yang diperbuat daripada bahan tanah liat dan mempunyai fungsi tertentu. Tembikar akan dibakar melalui kaedah pembakaran secara tradisional atau secara tanur sebelum digunakan. Negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Sarawak adalah antara negeri yang terkenal dengan pembuatan tembikar tradisional. Di Pahang, terenang terkenal sebagai tembikar yang berfungsi sebagai bekas untuk menyimpan air.

Motif rupa organik pada terenang disusun secara berulang untuk menghasilkan corak.

Terenang mempunyai bentuk konkrit bersifat tiga dimensi yang boleh disentuh dan dilihat.

Terenang mempunyai imbangan simetri apabila diletakkan garisan paksi di tengah-tengah.



Tembikar terenang

Nama bahagian pada tembikar terenang

- Kepala
- Bibir
- Leher
- Dada
- Badan
- Pelapik

Penegasan pada terenang ialah susunan corak pelbagai motif yang diletakkan pada bahagian tertentu seperti di bahagian kepala, bibir, dada dan pelapik.

LIVEWORKSHEETS

Galeri Tembikar Tradisional

Selain terenang, terdapat pelbagai jenis rekaan dan fungsi tembikar tradisional tempatan.

Bekas Air

Buyung Labu

Bekas Makanan

Belanga Periuk tanah

Perasapan

Bekas kemenyan Bekas bara

Jambangan

Bekas bunga

Pelbagai media, teknik dan jenis ragam hias yang digunakan untuk menghiasi tembikar tradisional tempatan.

Media dan Teknik	Cara Penghasilan	Hasil
Kayu tera	Kayu tera ditekan pada permukaan tembikar untuk menghasilkan motif dan corak.	Terapan
Tanah	Teknik ini dibuat dengan menampal tanah liat untuk membentuk motif.	Timbul
Alat mengguris	Permukaan tembikar akan diguris untuk menghasilkan motif.	Gurisan
Pembakaran	Kesan pembakaran boleh menghasilkan warna hitam pada tembikar.	Warna

INFORMASI

Encik Muhammad bin Zakaria ialah pengusaha tembikar terenang yang masih aktif di negeri Pahang. Beliau berkebolehan menghasilkan tembikar terenang dengan kaedah tradisional dan moden.

1.1.4 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti jenis rekaan dan dekorasi tembikar tradisional tempatan.
- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (bentuk, rupa, imbangan, penegasan) pada contoh karya.

EMK: Patriotisme : Menganalisis PAK-21: Sama-Beza (Same-Different)

KPM
LIVEWORKSHEETS

Eksplorasi Tembikar

Mari teroka kaedah penghasilan tembikar menggunakan teknik dan bahan berikut.

Bahan		Teknik	Hasil
Doh	Doh dihasilkan dengan menggunakan tepung. Doh mudah dibentuk kerana sifatnya yang lembut.	Picitan	
Paper clay	*Paper clay* bertekstur seperti tanah dan mudah dibentuk. Bahan ini dibiarkan mengeras pada suhu bilik.	Lingkaran	
Modelling clay	*Modelling clay* mudah dibentuk dan diukir kerana sifatnya yang lembut. Bahan ini terdapat dalam pelbagai warna.	Kepingan	
Polimer lembut	Polimer lembut bersifat lembut dan mudah mengeras pada suhu bilik. Bahan ini terdapat dalam pelbagai warna.	Acuan	

LIVEWORKSHEETS

Teroka Motif dan Ragam Hias

Mari gunakan pelbagai jenis media dan teknik hiasan untuk membuat ragam hias pada permukaan tembikar.

Media	Teknik	Kesan	Hasil
Kuku	Terapan		
Kulit kerang			
Penutup botol			
Garpu			
Pencungkil gigi	Gurisan		
Mata pen			
Cat poster	Warna		
Paper clay	Timbul		

2.1.9 (i, ii, iii)

- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (bentuk, rupa, imbangan, penegasan) semasa membuat penerokaan.
- Minta murid meneroka pelbagai media dan teknik semasa proses penghasilan tembikar.

EMK: Nilai Murni : Mengaplikasi PAK-21: Tinjau Kongsi (Room the Room)

KPM
LIVEWORKSHEETS

Pasu Mini

Mari hasilkan pasu mini menggunakan teknik lingkaran.

A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda

Pasu

2. Lakaran Idea

Lakaran 1 Lakaran 2

Lakaran 3 (pilihan)

B. Penentuan Bahan

Pilih jenis media dan teknik ragam hias yang sesuai.

C. Penghasilan Karya

Membentuk Tembikar

1. Uli *paper clay* menjadi bebola dan gelek dengan menggunakan penggelek untuk menghasilkan tapak tembikar.

2. Gunakan gelas sebagai panduan tapak tembikar yang lebih tepat.

3. Bentukkan doh mengikut panjang lingkaran yang dikehendaki.

LIVEWORKSHEETS